

Sel. P.U. 15.

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

**PERATURAN-PERATURAN PELAN PENGURUSAN BERSEPADU
LEMBANGAN SUNGAI SELANGOR 2019**

—————
SUSUNAN PERATURAN
—————

Peraturan

1. Nama
2. Tafsiran
3. Penubuhan Jawatankuasa
4. Tempoh Ahli Jawatankuasa
5. Fungsi Jawatankuasa
6. Kuasa Jawatankuasa
7. Mesyuarat
8. Kuasa meminda, memansuh atau mengganti Pelan

ENAKMEN LEMBAGA URUS AIR SELANGOR 1999

PERATURAN-PERATURAN PELAN PENGURUSAN BERSEPADU
LEMBANGAN SUNGAI SELANGOR 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 46 dan 127 Enakmen Lembaga Urus Air Selangor [*Enakmen No. 2 tahun 1999*], Lembaga, dengan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri, membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelan Pengurusan Bersepadu Lembangan Sungai Selangor 2019**.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Pelan Pengurusan Bersepadu Lembangan Sungai Selangor;

“Pelan” ertinya Pelan Pengurusan Bersepadu Lembangan Sungai Selangor 2015-2020 atau mana-mana pelan yang sedang berkuat kuasa;

“Pelan Tindakan” termasuklah jadual status pelaksanaan Pelan, polisi dan strategi dalam Pelan.

Penubuhan Jawatankuasa

3. Maka adalah dengan ini Lembaga menubuhkan suatu jawatankuasa bernama “Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Pelan Pengurusan Bersepadu Lembangan Sungai Selangor” yang mana hendaklah terdiri daripada ahli yang berikut:

- (a) Pengarah sebagai Pengerusi;
- (b) Pegawai-pegawai Daerah Sabak Bernam, Kuala Selangor, Gombak, Hulu Selangor atau wakil-wakil yang diberi kuasa;
- (c) Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (d) Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Selangor atau wakilnya yang diberi kuasa;
- (e) Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sabak Bernam, Majlis Perbandaran Kuala Selangor, Majlis Perbandaran Selayang dan Majlis Perbandaran Hulu Selangor atau wakil-wakil mereka yang diberi kuasa;
- (f) Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor atau wakilnya yang diberi kuasa;

- (g) Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Selangor atau wakilnya yang diberi kuasa; dan
- (h) tidak lebih lima ahli lain yang ditentukan oleh Lembaga.

Tempoh Keahlian Jawatankuasa

4. (1) Ahli-ahli Jawatankuasa hendaklah dilantik oleh Lembaga bagi suatu tempoh yang tidak melebihi lima tahun dan boleh dilantik semula.

(2) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau menukar keahlian Jawatankuasa.

Fungsi Jawatankuasa

5. Fungsi Jawatankuasa ini adalah untuk—
- (a) melaksanakan Pelan Tindakan dalam Pelan;
 - (b) memantau pelaksanaan Pelan Tindakan oleh mana-mana agensi;
 - (c) memastikan pelaksanaan apa-apa kerja oleh mana-mana orang adalah selaras dengan kehendak Pelan;
 - (d) menyelaras perhubungan dan kerjasama pelbagai agensi dan pihak berkepentingan dalam pelaksanaan Pelan; dan
 - (e) melaksanakan apa-apa perkara lain yang difikirkan patut untuk membolehkan pelaksanaan fungsi-fungsinya dengan berkesan.

Kuasa Jawatankuasa

6. Jawatankuasa hendaklah mempunyai kuasa yang berikut:
- (a) melaksanakan segala fungsi Jawatankuasa di bawah peraturan 5;
 - (b) mengemaskini status pelaksanaan dan pemantauan Pelan Tindakan;
 - (c) mengkehendaki mana-mana ahli Jawatankuasa melaporkan dan membentangkan hasil pelaksanaan pemantauan Pelan Tindakan;
 - (d) memastikan ahli jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan dengan pelaksanaan Pelan Tindakan menyediakan peruntukan kewangan bagi mencapai objektif Pelan Tindakan; dan
 - (e) merancang dan mengkaji semula Pelan dan Pelan Tindakan supaya selaras dengan dasar semasa Lembaga.

Sel. P.U. 15.

Mesyuarat

7. (1) Jawatankuasa hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap enam bulan atau mengikut kekerapan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Jawatankuasa.

(2) Pengerusi hendaklah mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa.

(3) Sekiranya Pengerusi tidak dapat mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa, mana-mana pegawai kanan Lembaga yang diberi kuasa oleh Pengerusi boleh mempengerusikan mesyuarat itu.

(4) Jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang yang pada pendapatnya mempunyai pengetahuan khusus yang berfaedah kepadanya, untuk menghadiri mana-mana mesyuarat Jawatankuasa.

(5) Pengerusi hendaklah menetapkan tertib untuk mengendalikan mesyuarat.

Kuasa untuk meminda, memansuh atau mengganti Pelan

8. Lembaga boleh meminda, memansuh atau mengganti kesemua atau mana-mana bahagian Pelan sekiranya Lembaga berpendapat adalah perlu untuk berbuat demikian.

Dibuat 2 April 2019

[LUAS. 600-1/3/10; P.U. Sel. ADV. PS(S) 05/1/18]

MOHD KHAIRUL ASHRAFF BIN RADZALI
Setiausaha
Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
Selangor

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY
ENACTMENT 1999

INTERGRATED SELANGOR **R**IVER **B**ASIN MANAGEMENT PLAN
REGULATIONS 2019

ARRANGEMENT OF REGULATIONS

Regulation

1. Citation
2. Interpretation
3. Establishment of Committee
4. Term of Committee Members
5. Functions of the Committee
6. Powers of the Committee
7. Meetings
8. Power to amend, repeal or replace Plan

Sel. P.U. 15.

SELANGOR WATERS MANAGEMENT AUTHORITY ENACTMENT 1999

INTERGRATED SELANGOR **R**IVER **B**ASIN MANAGEMENT PLAN **R**EGULATIONS 2019

IN the exercise of powers conferred by sections 46 and 127 of the Selangor Waters Management Authority Enactment 1999 [*Enactment No. 2 of 1999*], the Authority with the approval of the State Authority, makes the following regulations:

Citation

1. These regulations may be cited as the **Intergrated Selangor River Basin Management Plan Regulations 2019**.

Interpretation

2. In these Regulations—

“Committee” means the Intergrated Selangor River Basin Monitoring Implementation Committee;

“Plan” means the Intergrated Selangor River Basin Management Plan 2015-2020 or any other plans which in force;

“Action Plan” includes schedule of plan implementation status, policy and strategy in the Plan.

Establishment of the Committee

3. There shall be established a committee by the name of “Intergrated Selangor River Basin Monitoring Implementation Committee” which shall consist of the following members:

- (a) the Director as the Chairman;
- (b) the Sabak Bernam, Kuala Selangor, Gombak, Hulu Selangor District Officers or their authorised representatives;
- (c) the Director of the Selangor Department of Town and Country Planning or his authorised representative;
- (d) the Director of the Selangor Department of Drainage and Irrigation or his authorised representative;
- (e) the Presidents of the Sabak Bernam Municipal Council, the Kuala Selangor Municipal Council, the Selayang Municipal Council and the Hulu Selangor Municipal Council or their authorised representatives;

- (f)* the Director of the Selangor Department of Environment or his authorised representative;
- (g)* the Director of the Selangor Department of Health or his authorised representative; and
- (h)* not more than five other members to be decided by the Authority.

Term of membership of the Committee

4. (1) The members of the Committee may be appointed by the Authority for a period of not more than five years and may be reappointed.

(2) The Authority may, at any time, discontinue or change the membership of the Committee.

Functions of the Committee

5. The functions of the Committee shall be—
- (a)* to implement the Action Plan in the Plan;
 - (b)* to monitor the implementation of the Action Plan by any agencies;
 - (c)* to ensure implementation of any work by any person in accordance with the Plan;
 - (d)* to coordinate the relationship and cooperation among the agencies and the stakeholders in the implementation of the Plan; and
 - (e)* to implement such other things as it deem fit to enable it to perform its functions effectively.

Powers of the Committee

6. The Committee shall have the following powers:
- (a)* to implement all functions of the Committee under regulation 5;
 - (b)* to update the status of the implementation and monitoring of the Action Plan;
 - (c)* to require any Committee members to report and present the outcome of the implementation and monitoring of the Action Plan;
 - (d)* to ensure the committee members who responsible to the implementation of the Action Plan to provide financial allocation to achieve of the Action Plan's objective; and

- (e) to plan and review the Plan and the Action Plan in accordance with the current policy of the Authority.

Meetings

7. (1) The Committee shall meet at least once in every six months or such frequency as may be determined by the Committee.

(2) The Chairman shall preside at a meeting of the Committee.

(3) If the Chairman cannot preside over a meeting of the Committee, any senior officer of the Authority authorized by the Chairman may preside over the meeting.

(4) The Committee may, invite any person who in its opinion has specific knowledge which is of benefit to it, to attend any meeting of the Committee.

(5) The Chairman shall determine its own procedure to conduct the meetings.

Power to amend, repeal or replace Plan

8. The Committee may amend, repeal or replace the whole or any part of the Plan if it thinks necessary to do so.

Made 2 April 2019

[LUAS. 600-1/3/10; P.U. Sel. ADV. PS(S) 05/1/18]

MOHD KHAIRUL ASHRAFF BIN RADZALI
Clerk
State Executive Council
Selangor